

NO. SOALAN: 317

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

RUJUKAN : 8029

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai organisasi, pertubuhan, persatuan dan individu yang dibenarkan menggunakan logo PDRM pada pakaian, peralatan dan kenderaan mengikut daerah.

JAWAPAN:

Penggunaan Logo atau Lambang Polis pada pakaian, peralatan dan kenderaan hanya dibenarkan mengikut peruntukan di bawah Akta Polis 1967. Selain daripada anggota polis biasa, anggota polis sukarelawan, polis bantuan dan kadet polis termasuk anggota SUKSIS sahaja yang boleh memakai dan menggunakan peralatan polis. Adalah menjadi kesalahan di bawah seksyen 89 Akta Polis 1967, mana-mana individu yang memakai pakaian dan memiliki aksesori polis untuk sebarang tujuan. Kebenaran khas boleh diberikan kepada individu atau syarikat menggunakan peralatan dan pakaian polis bagi tujuan membuat filem, drama atau pertunjukan.

Bagi tujuan lain, dibenarkan menggunakan logo polis dengan syarat ianya adalah atas kerjasama atau anjuran bersama dengan pihak polis bagi daerah berkenaan. Dalam situasi ini, logo polis tidak boleh dipamer secara tunggal tetapi mesti dipamer bersama dengan logo-logo yang lain yang menjayakan program berkenaan dalam semua surat, *Backdrop*, *Banner* dan sebagainya.